

03/03/1998

Pastikan tidak jadi angan-angan

Salina Abdullah

HARI ini, genap setahun usia Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara. Idea cetusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu bertujuan melindungi dan memulihara alam sekitar. Menetapkan sasaran tiga juta pokok menjelang 2020, setiap negeri dipertanggungjawabkan menanam sejumlah pokok dalam setahun bagi memastikan sasaran tidak akan tinggal angan-angan.

Namun, daripada 13 negeri dan dua Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Labuan) hanya lima negeri berjaya mencapai malah melebihi sasaran iaitu Perlis, Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka, dengan masing-masing menanam sejumlah 10,00 pokok setahun, Perak (90,000), Pahang (40,000), Negeri Sembilan (30,000) dan Melaka (20,000). Selebihnya, hanya memenuhi 71 peratus daripada jumlah yang ditetapkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata perancangan yang tidak sistematik dalam usaha menanam pokok adalah antara punca yang menyebabkan kebanyakan negeri tidak dapat memenuhi sasaran.

"Bagaimanapun, kita berpuas hati kerana jumlah itu dicapai hanya dalam tempoh sembilan bulan dan bukan satu tahun berdasarkan tarikh kempen itu dilancarkan iaitu pada Mac tahun lalu," katanya.

Apapun, kenyataan Dr Ting tidak harus dilihat sebagai satu saluran untuk melepaskan diri. Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan lain, yang belum mencapai sasaran, seharusnya melihat kejayaan negeri lain memenuhi jumlah yang ditetapkan sebagai satu cabaran sekaligus satu tempelakan ke atas segala dolak-dalih yang dikemukakan untuk tidak menjayakan kempen itu.

Alasan tiada kawasan sesuai untuk menanam pokok bukan halangan mutlak kerana kementerian itu melalui Jabatan Lanskap Negara menggariskan pelbagai jenis pokok yang sesuai untuk pelbagai jenis kawasan, baik kawasan perumahan, lereng bukit, tepi sungai, sepanjang jalan mahupun tepi pantai.

Begitu juga dengan kenyataan tiada kepakaran untuk menanam dan menyelenggara pokok kerana jabatan berkenaan bersedia memberi khidmat nasihat dan latihan sewajarnya - jenis pokok yang sesuai ditanam, cara penyelenggaraan, bagaimana untuk membaja dan cara mencantas dahan. Apa yang pasti, kesungguhan dan komitmen menjayakan kempen menjadi pengukur. Jika hendak seribu daya, jika tidak seribu dalih.

Sesetengah kerajaan negeri menggunakan keadaan ekonomi yang kurang baik ketika ini sebagai jalan terbaik untuk melepaskan diri. Kekurangan peruntukan dijadikan alasan mengapa kempen menanam pokok di negeri masing-masing lewat dilaksanakan. Dalam hal ini, sumbangan pihak terbabit sebenarnya bukan terhad kepada masa dan tenaga semata-mata malah wang ringgit.

Pihak terbabit tidak sepatutnya bergantung harap sepenuhnya kepada Kerajaan Pusat kerana kempen menanam pokok bukanlah satu-satunya usaha murni yang memerlukan peruntukan. Tidak keterlaluan jika dikatakan, adakalanya malah kebiasaannya, kejayaan menuntut perbelanjaan.

Begitupun, kata Dr Ting, Kerajaan Pusat memperuntukkan RM2.8 juta tahun ini bagi menjayakan kempen menanam pokok itu. Peruntukan itu dibuat berdasarkan perkiraan 15 peratus daripada keperluan pokok setahun dengan kadar harga pokok RM20 sepokok. Daripada perkiraan itu juga iaitu 15 peratus daripada penduduk sesebuah negeri menanam satu pokok setahun, Johor perlu mempunyai 80,000 pokok setahun, Kedah (60,000), Kelantan (50,000), Pulau Pinang (50,000), Sabah (70,000), Selangor (80,000),

Terengganu (30,000), Sarawak (70,000) manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (65,000) dan Wilayah Persekutuan Labuan (5,000).

Lebih daripada itu, kerajaan negeri malah semua pihak terbabit seharusnya meningkatkan kefahaman mengapa kempen ini perlu dijayakan sepenuh hati. Mengindahkan kawasan atau memastikan wawasan negara menjadi 'Negara dalam Taman' menjelang 2005 bukan satu-satunya matlamat kempen ini.

Pokok memberi manfaat yang tidak ternilai. Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mustafa Kamal Mohd Sharif, berkata manfaat menanam pokok seharusnya tidak dilihat dari segi pulangan wang ringgit semata-mata.

Memang ada kemungkinan pokok yang ditanam itu seperti jati dan sentang mampu memberi pulangan wang ringgit kepada negara apabila ia ditebang dan dijual sebagai hasil balak.

Namun, ini tidak bermakna pokok yang tiada nilai ekonomi seperti pokok batai laut dan tecoma, yang sekadar dilihat untuk mengindahkan sesuatu kawasan, tidak mempunyai kebaikan dari segi ekonomi.

Dr Mustafa Kamal berkata, pokok yang ditanam itu boleh meredakan suhu.

"Pokok menyedut air dari tanah dan mengeluarkan air itu apabila suhu tinggi (keadaan panas). Keadaan ini menyebabkan kelembapan setidak-tidaknya di kawasan sekitar pokok meningkat. Apabila angin bertiup, kelembapan ini akan menarik (menggantikan) kepanasan, seolah-olah alat pendingin udara semulajadi menjadikan sesuatu kawasan sejuk.

"Apabila ini berlaku (suhu rendah), kita tidak akan memerlukan alat penghawa dingin selama 24 jam sehari sekaligus dapat menjimatkan elektrik," katanya.

Seperti alat pendingin udara yang turut menapis debu dari memasuki rumah, pokok juga berperanan serupa. Pokok ibarat benteng, mengurangkan debu dari memasuki rumah. Akibatnya, bukan rumah sahaja yang akan lebih bersih, paru-paru kita juga menerima manfaat yang sama.

Pokok juga menjadikan sesuatu kawasan itu teduh. Ranting dan daun yang rimbun akan menghalang sinaran matahari daripada terpancar secara terus ke muka bumi, kepada manusia lalu menjauhkan manusia daripada risiko menghadapi penyakit kulit akibat panahan terik sinaran ultraviolet.

Fungsi pokok bukan sekadar itu. Proses fotosintesis tumbuhan menghasilkan oksigen, gas yang amat diperlukan manusia untuk terus hidup sihat.

Kebaikan ini sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar tetapi ia sebenarnya dapat mengurangkan kos rawatan.

"Pokok membekalkan manusia dengan oksigen dan mengambil gas karbon dioksida yang kita bebaskan. Pertukaran gas ini mewujudkan persekitaran bersih dan sihat kepada manusia. Apabila udara sihat, kita juga akan sihat seterusnya mengurangkan kunjungan ke pusat rawatan atau hospital," jelasnya.

Ini hanyalah sebahagian daripada kebaikan menanam pokok, tidak ketinggalan mengindahkan persekitaran dan mengelakkan hakisan tanah.

(END)